



## Isu kedudukan JAKIM, hutang 1MDB tumpuan Dewan Rakyat hari ini

KUALA LUMPUR: Isu berkaitan kedudukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikatakan diletak di bawah Majlis Raja-raja serta jumlah bayaran balik hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) oleh kerajaan adalah antara tumpuan persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat di laman sesawang Parlimen, soalan berkaitan kedudukan JAKIM diajukan oleh Abdul Latif Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) pada Waktu Pertanyaan Menteri yang mahu Perdana Menteri menjelaskan sama ada benar JAKIM kini diletakkan di bawah Majlis Raja-raja seperti dilaporkan.

Turut tersenarai ialah soalan M Karupaiya (PH-Padang Serai) kepada Menteri Kewangan berkaitan jumlah wang yang digunakan oleh kerajaan untuk membayar balik hutang berkaitan 1MDB dan SRC International serta sumber kewangan yang digunakan.

Karupaiya juga ingin tahu mengenai jumlah nilai wang daripada setiap sumber dan pembayaran dibuat atas nama siapa serta jumlah baki hutang yang masih ditanggung oleh rakyat Malaysia.

Pada sesi soal jawab pula, Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk mengekalkan Program Jualan Keluarga Malaysia khasnya ketika musim perayaan di seluruh negara.

Selain itu, isu pengangguran belia (kategori umur 15-24 tahun) akan diajukan oleh Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) yang meminta Menteri Sumber Manusia menjelaskan langkah segera kerajaan dalam menangani masalah itu yang kini berada pada tahap 13.7% menurut **perangkaan Tenaga Buruh Malaysia Nov 2021**.

Azalina Othman Said (BN-Pengerang) pula bertanyakan Menteri Dalam Negeri sama ada terdapat kematian dalam tahanan imigresen dalam tempoh lima tahun lepas dan langkah-langkah untuk menyiasat serta mencegah kejadian itu.

Selesai sesi tersebut, persidangan akan bersambung dengan sesi menggulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja melibatkan tiga lagi kementerian didahului dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Dewan Rakyat bersidang hingga 24 Mac ini.

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/17/isu-kedudukan-jakim-hutang-1mdb-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/>